

20/08/1997

Kurangkan import jentera berat

KUCHING, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta sektor swasta mengurangkan import jentera berat atau kerajaan terpaksa mengenakan syarat lebih ketat mengenainya.

Menurut Perdana Menteri, jika sektor swasta enggan bekerjasama secara sukarela dan meneruskan sikap boros dengan berbelanja secara tidak perlu, negara akan berterusan mengalami defisit sampai bila-bila.

"Langkah mengimport jentera berat, terutama untuk sektor binaan secara berlebihan dari negara luar perlu disekat.

"Daripada pemerhatian saya, jentera berat sedia ada atau terpakai dibiarkan begitu saja di tapak binaan walaupun keadaannya masih baik.

"Jika sikap buruk mengimport jentera secara berlebihan ini diteruskan, ia memberi kesan kepada ekonomi negara," katanya pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke ibu negara selepas lawatan dua hari ke Sarawak, hari ini.

Amaran Dr Mahathir itu dipercayai berikutan Malaysia mencatat defisit perdagangan RM2.8 bilion pada Jun lalu berbanding lebih RM156.2 juta pada Mei.

Malah pada enam bulan pertama tahun ini, Malaysia mencatat defisit RM2.7 bilion berbanding defisit RM687.8 juta pada tempoh yang sama tahun lalu.

Defisit Jun itu disebabkan oleh pembelian kapal dan kapal tangki (termasuk kapal tangki gas asli cecair) dan pesawat komersil yang secara kumpulan bernilai RM2.2 bilion atau 11.4 peratus daripada keseluruhan import.

Perdana Menteri berkata, semua pihak akan mendapat faedah daripada ekonomi yang tumbuh pesat dan kerana itu kerjasama syarikat swasta ke arah mengurangkan defisit amat perlu.

"Kita tidak perlu mengimport barangan tidak perlu dan mahukan jentera terbaru di pasaran semata-mata kerana mempunyai wang sedangkan jentera sedia ada masih baik serta boleh digunakan," katanya.

Ditanya apakah sekatan terhadap syarikat swasta yang enggan menghentikan tabiat itu, Dr Mahathir berkata beliau akan merujuk kepada timbalannya yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keghairahan sesetengah syarikat swasta berbelanja mengimport jentera berat dan kurang berminat melakukan penyenggaraan jentera sedia sejak beberapa tahun lalu menyebabkan kerajaan mengambil beberapa langkah sebelum ini.

Dalam belanjawan tahun lalu, duti import antara lima hingga 20 peratus dikenakan bagi jentera berat. Langkah itu dibuat kerana kerajaan mendapati tiada usaha positif diambil oleh swasta untuk membaik pulih jentera berat yang sedia ada atau terpakai bagi digunakan semula.

(END)